

Amalan dan Keperluan Pembentangan dan Pendedahan Penyata Kewangan bagi Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia

Norfaiezah Sawandi¹ , Chek Derashid, Ku Nor Izah Ku Ismail, Fathiyah Abu Bakar, Muhammad Syahir Abdul Wahab, Hasnah Shaari

Universiti Utara Malaysia
<https://doi.org/10.58458/ipnj.v10.01.03.0063>

Received: 30 August 2020

Reviewed: 19 October 2020

Accepted: 27 October 2020

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau amalan dan keperluan pelaporan kewangan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di lima negeri di Malaysia. Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan pakai pendekatan kajian kes. Dua kaedah pengumpulan data telah digunakan iaitu semakan dokumen dan temu bual separa berstruktur. Bagi kaedah pertama, penelitian ke atas Laporan Tahunan MAIN bagi tahun kewangan 2016 dan 2017 telah dibuat dengan membandingkan amalan semasa pelaporan dan pendedahan Penyata Kewangan MAIN dengan peruntukan dalam sembilan MPSAS yang berkaitan dengan pembentangan dan pendedahan. Kajian turut membuat semakan dan penelitian ke atas Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri yang di kaji. Ini diikuti dengan temu bual dengan empat belas orang responden yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan penyediaan penyata kewangan MAIN. Selain daripada itu, sesi perundingan dengan pakar-pakar Syariah, Muamalat atau Ekonomi Islam, Undang-Undang dan Perakaunan/Perakaunan Islam turut diadakan. Dari segi amalan semasa, tidak semua urusan niaga atau item yang disentuh oleh sembilan MPSAS yang dikaji wujud di kesemua MAIN. Sementara itu, kajian mendapati kesemua MAIN menyediakan penyata kewangan berasingan dan disatukan serta membuat pendedahan kepentingan dalam entiti lain. Namun begitu, dapatan menunjukkan tiada MAIN yang membuat pendedahan maklumat kewangan tentang sektor am kerajaan dan pengaturannya bersama. Seterusnya, kajian mengenal pasti keperluan piawaian perakaunan baharu yang boleh dijadikan garis panduan kepada MAIN dalam membangunkan Piawaian Perakaunan

¹ Penulis adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Universiti Utara Malaysia. Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan projek penyelidikan yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Islam bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIIBZW) berkaitan aspek pembentangan dan pendedahan. Selain daripada itu, beberapa cadangan elemen penambahbaikan penyata kewangan MAIN turut dikemukakan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak berkepentingan seperti MAIN dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam menyediakan kerangka kerja perakaunan dan piawai perakaunan yang sesuai bagi MAIN.

Kata kunci: Penyata Kewangan, Piawaian Perakaunan, Majlis Agama Islam Negeri, Kajian Kes, Malaysia

Abstract

This study examines the practice and financial reporting requirements of the State Islamic Religious Councils (SIRCs) of five states in Malaysia using a case study approach. Two data collection methods are used, namely document review and semi-structured interviews. Review of the SIRCs' annual reports for the financial years 2016 and 2017 is made by comparing the SIRCs' current practice of financial reporting and disclosure with respect to nine MPSAS (Malaysian Public Sector Accounting Standards) related to the presentation and disclosure of financial statements. In addition, this study reviews and examines the Enactments/Ordinance of the Administration of Muslim Religious Affairs of each state. This is followed by interviews with fourteen respondents who are directly or indirectly involved in the preparation of the SIRCs' financial statements. Apart from that, consultation sessions with experts in Shari'ah, Muamalat or Islamic Economics, Law and Accounting/ Islamic Accounting have also been held. This study finds that not all transactions or items of the nine MPSAS exist in all SIRCs. However, all SIRCs prepare Separate and Consolidated Financial Statements. They also prepare Disclosure of Interests in Other Entities. Nevertheless, none of the SIRCs prepares Disclosure of Financial Information pertaining to General Government Sector and Joint Arrangements. After this, the study outlines the requirements of the proposed PPIIBZW that may be used as guidelines for the presentation and disclosure of SIRCs' financial statements. In conclusion, this study proposes certain recommendations aimed at improving the financial statements of SIRCs. It is expected that the findings of the study could be able to assist relevant parties such as a SIRC and Accountant General's Department of Malaysia in developing an accounting conceptual framework, as well as the accounting standards that suit SIRC.

Keywords: Financial Statements, Accounting Standards, State Islamic Religious Council, Case Study, Malaysia

Pengenalan

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Zakat yang ditubuhkan oleh beberapa negeri (semuanya dikenali sebagai institusi baitulmal, zakat dan wakaf (IBZW)) merupakan badan berkanun penting kerana ia merupakan penyumbang yang besar kepada ekonomi negara. Institusi yang ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia ini diberi tanggungjawab untuk mengurus kutipan dan pengagihan zakat, mengurus wang baitulmal serta harta wakaf di negeri masing-masing. IBZW memainkan peranan penting dalam mengurus harta orang Islam di Malaysia dan sumbangan yang dibuat melalui zakat, wakaf dan baitulmal oleh umat Islam kepada sosioekonomi negara adalah sangat signifikan. Ku Nor Izah *et al.* (2019) telah melaporkan beberapa statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan hasil analisis penyata kewangan IBZW. Pada tahun 2016, sejumlah RM2.8 bilion zakat telah dikutip oleh institusi zakat di seluruh Malaysia. Sementara itu, bagi tahun yang sama tanah baitulmal yang berpotensi untuk dimajukan adalah berkeluasan 41,407.33 hektar dengan nilai RM320 juta. Jumlah yang begitu besar ini semestinya memerlukan kepada pengurusan yang cekap serta sifat ketelusan dan akauntabiliti sesebuah IBZW dalam menjalankan amanahnya.

Dalam konteks IBZW, akauntabiliti bermaksud tanggungjawab institusi tersebut dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya. Akauntabiliti yang dilaksanakan haruslah menjaga hubungan dengan Allah SWT (*Hablul Min Allah*) dan juga sesama manusia (*Hablul Min An-Nas*) (Abdullah *et al.*, 2018). Sebagai institusi yang mengurus harta yang sangat besar amaunnya, IBZW menjadi perhatian ramai. Berbeza dengan syarikat, pemegang taruh IBZW adalah lebih umum dan sukar dikenal pasti. Antaranya adalah pemberi zakat, penerima zakat, pewakaf, penerima manfaat wakaf, penyumbang baitulmal, penggubal undang-undang dan piawaian, badan kerajaan yang menyelia dan memajukan IBZW seperti JAWHAR, badan kerajaan yang memberi sumbangan, penyelidik, ahli akademik, ahli politik, badan sukarela, ahli dan badan perniagaan, masyarakat dan orang ramai.

Sebagai institusi yang diberikan amanah untuk mengurus harta umat Islam di Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab IBZW untuk menyedia laporan kewangan yang relevan dan berguna kepada pemegang taruh dalam membuat keputusan. Ini adalah kerana kecekapan, ketelusan serta akauntabiliti sesebuah IBZW dapat dinilai melalui penyata kewangannya. Laporan kewangan merupakan salah satu media komunikasi yang penting bagi menyampaikan maklumat berguna sesebuah entiti, sama ada di sektor swasta atau kerajaan, kepada pelbagai pemegang taruh dalam membuat keputusan. Bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah berguna, maklumat tersebut haruslah relevan dan boleh dipercayai. Selain daripada itu, maklumat yang dipersembahkan harus mempunyai ciri-ciri kebolehbandingan. Susulan itu, piawaian perakaunan telah digubal oleh badan-badan penggubal piawaian di serata dunia bagi memberi garis panduan kepada entiti agar maklumat yang disampaikan memenuhi ciri-ciri kualiti yang ditetapkan. Penggunaan piawaian perakaunan yang bersesuaian adalah perlu kerana

pelaporan kewangan memainkan peranan penting bagi menggambarkan akauntabiliti, ketelusan, dan kebolegunaan maklumat dalam sesebuah entiti, sama ada di sektor awam mahupun swasta.

Di Malaysia, bermula pada tahun 2020, entiti kerajaan perlu menggunakan pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards*) (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam mengakaun dan melaporkan urus niaga kewangan mereka. Ini termasuklah institusi baitulmal, zakat dan wakaf. Namun, disebabkan operasi IBZW yang unik dan berlandaskan hukum syarak, JANM merasakan adalah satu keperluan untuk mewujudkan piawaian perakaunan yang khusus bagi IBZW, yang dikenali sebagai Piawaian Perakaunan Islam Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIIBZW). Terdapat 35 MPSAS yang telah dikeluarkan oleh JANM untuk diterima pakai oleh sektor kerajaan, namun kajian ini hanya tertumpu kepada sembilan MPSAS yang berkaitan dengan aspek pembentangan dan pendedahan penyata kewangan. Terdapat tiga objektif kajian ini iaitu, pertama, untuk memahami amalan semasa pembentangan dan pendedahan penyata kewangan IBZW dan, dengan menjadikan sembilan MPSAS sebagai asas, mengemukakan cadangan kandungan piawaian perakaunan untuk IBZW, kedua, untuk mengenal pasti keperluan piawaian baharu yang boleh dijadikan garis panduan kepada MAIN dalam membangunkan PPIIBZW berkaitan aspek pembentangan dan pendedahan, dan yang terakhir, untuk memberikan beberapa cadangan elemen penambahbaikan penyata kewangan IBZW.

Kajian ini adalah signifikan dalam membantu JANM membentuk kerangka kerja konseptual perakaunan Islam dan menggubal piawaian perakaunan yang dapat diterima pakai oleh IBZW. Kajian ini juga dapat membantu meningkatkan kepercayaan pihak pemegang taruh terhadap ketelusan dan akauntabiliti pihak IBZW dalam mengurus sumber ekonomi Islam. Di samping itu, penggubalan piawaian perakaunan bagi IBZW ini bukan sahaja dapat digunakan oleh IBZW di Malaysia. Ia juga boleh dijadikan asas kepada penggubalan piawaian perakaunan Islam oleh negara lain yang mempunyai struktur institusi IBZW yang serupa.

Sorotan Kajian

Pendedahan dalam Penyata Kewangan

Pendedahan maklumat dalam penyata kewangan adalah selari dengan tuntutan Syariah (Al-Sartawi & Reyad, 2018). Amalan pendedahan ini membolehkan institusi atau organisasi Islam memenuhi tanggungjawab kewangan dan sosial yang dijangkakan oleh pemegang taruh (Amran et al., 2017). Secara umumnya, pendedahan berkaitan dengan maklumat perakaunan akan dibuat pada muka penyata kewangan, nota-nota kepada akaun dan melalui polisi-polisi organisasi yang berkaitan. Pendedahan maklumat perakaunan seperti aset, liabiliti, hasil dan belanja merupakan tuntutan penting dalam Islam. Ini jelas

seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka, hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka, hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil dan benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dalam kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan daripada orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa daripada saksi-saksi perempuan yang berdua itu, maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

(QS Al-Baqarah 2:282)

Usaha penambahbaikan amalan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan secara berterusan oleh institusi Islam adalah sebahagian usaha penting ke arah menjadi institusi yang baik (Amran et al. 2017). Kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan pendedahan dengan kepercayaan, kepuasan, dan kesetiaan pemegang taruh (El-Halaby, Hussainey & Abou-El-Sood, 2018). Islam menyarankan dua prinsip utama pendedahan maklumat perakaunan iaitu “Pendedahan Penuh”, dan “Akauntabiliti Sosial” yang dijelaskan dengan lebih lanjut dalam perenggan berikutnya.

Pendedahan Penuh

Menurut Lewis (2001) prinsip pendedahan penuh dalam Islam dikaitkan dengan pendedahan maklumat yang relevan dengan mendedahkan semua fakta secara benar dan adil tentang perkara-perkara yang sedang berlaku dalam sesebuah entiti. Sebagai contoh, dalam konteks institusi BZW, pendedahan maklumat perakaunan perlulah dibuat berdasarkan kepada kumpulan wang tertentu seperti wakaf, baitulmal dan zakat agar lebih telus. Ini disokong dengan nas-nas Al-Quran yang mana Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

“Musa berkata: Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu betina itu adalah lembu betina yang belum pernah dipakai untuk membajak tanah dan tidak pula untuk mengairi tanaman, tidak bercacat, tidak ada belangnya. Mereka berkata: Sekarang barulah kamu menerangkan hakikat lembu betina yang sebenarnya. Kemudian mereka menyembelihnya dan hampir saja mereka tidak melaksanakan perintah itu”.

(QS Al-Baqarah 2:71)

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan”.

(QS An-Nisa' 4:135)

Lewis (2001) menambah bahawa tujuan pendedahan maklumat perakaunan adalah untuk menjaga kepentingan awam kerana masyarakat atau “ummah” mempunyai hak untuk mengetahui tentang kesan operasi sesebuah organisasi itu sama ada membawa kesejahteraan dan memenuhi kehendak syariat ataupun tidak. Pendedahan maklumat yang benar dan relevan adalah penting dalam pelbagai aspek kehidupan Islam. Ini kerana terdapat tanggungjawab seperti membayar zakat yang mana pengiraannya memerlukan pendedahan nilai aset dan liabiliti berdasarkan tuntutan Islam demi membantu golongan yang memerlukannya. Prinsip pendedahan penuh juga diperlukan untuk meramal obligasi masa hadapan dan risiko pelaburan dalam urus niaga yang membabitkan perkongsian perniagaan yang mana para MAIN terlibat dengannya.

Akauntabiliti Sosial

Dalam Al-Quran, perkataan “*hisab*” diulang lebih daripada lapan kali dalam ayat-ayat yang berlainan (Askary & Clarke, 1997). “*Hisab*” atau “*akaun*” adalah asas kepada perakaunan. Menurut Al-Quran, “*hisab*” adalah kewajiban untuk “*mengakaunkan*” kepada Allah segala

perbuatan manusia dan manusia adalah bertanggungjawab terhadap perbuatan tersebut.

Manusia hanyalah pemegang amanah terhadap apa yang telah diberikan oleh Allah SWT dalam bentuk barang, harta benda dan aset tidak nyata. Kejayaan seseorang muslim di dunia dan akhirat bergantung kepada sejauh mana dia menggunakan apa yang telah diamanahkan kepadanya. Ini bermakna setiap muslim mempunyai “*akaun*” dengan Allah SWT yang mana ia tercatat segala tindakan yang baik dan buruk sepanjang kehidupannya di dunia ini. “*Akaun*” itu akan berterusan sehingga hari kematian dan Allah SWT akan menunjukkan kepada semua akaun mereka pada hari pembalasan. Perbincangan ini adalah amat bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka bagaimanakah halnya apabila mereka (orang-orang munafik) ditimpa sesuatu musibah disebabkan perbuatan tangan mereka sendiri, kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: Demi Allah, kami sekali-kali tidak menghendaki selain penyelesaian yang baik dan perdamaian yang sempurna”.
(QS An-Nisa’ 4:62)

Oleh itu, persamaan asas antara “*hisab*” dalam Islam dan “*perakaunan*” terletak kepada akauntabiliti setiap muslim untuk menjalankan tugas seperti yang telah disyariatkan oleh Islam. Abdul Rahim (2010) menyatakan bahawa dua prinsip di atas bermaksud keperluan kepada para penyedia akaun untuk mendedahkan segala maklumat yang berguna dan penting kepada pengguna maklumat perakaunan untuk membuat keputusan. Pendedahan sebegitu rupa dibuat kerana itu adalah suruhan daripada Allah SWT demi menjaga kepentingan “*umma*” atau masyarakat. Kesimpulannya, pendedahan menurut perakaunan konvensional adalah terhad untuk memenuhi undang-undang sekular dan menekankan kepada akauntabiliti peribadi (contoh, agen dan prinsipal) berlandaskan falsafah rasional ekonomi (contoh, sistem ekonomi kapitalis), manakala perakaunan Islam menekankan pendedahan telus dan akauntabiliti sosial (moral) (Baydoun & Willet, 2000; Khoramin, 2012; Lewis, 2001).

Kaedah Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan dengan mengguna pakai pendekatan kajian kes yang melibatkan lima IBZW yang semuanya merupakan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia yang terdiri daripada MAIN A, MAIN B, MAIN C, MAIN D dan MAIN E. Selain itu, terdapat sepuluh buah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya (100 peratus milikan) oleh kelima-lima MAIN tersebut di mana MAIN A, MAIN B dan MAIN E masing-masing memiliki dua anak syarikat, MAIN C memiliki tiga buah anak syarikat dan MAIN D pula memiliki sebuah anak syarikat.

Bagi pengumpulan data, terdapat dua kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu semakan dokumen dan temu bual separa berstruktur. Bagi kaedah pertama, penelitian ke atas Laporan Tahunan MAIN bagi tahun kewangan 2016 dan 2017 telah dibuat dengan

membandingkan amalan semasa pelaporan dan pendedahan Penyata Kewangan dengan peruntukan yang terdapat dalam sembilan MPSAS yang berkaitan dengan aspek berkenaan (rujuk Jadual 1). Kajian turut membuat semakan dan penelitian ke atas Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri yang dikaji khususnya peruntukan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan pelaporan MAIN.

Jadual 1: Senarai MPSAS yang Dikaji

Bil.	MPSAS
1	Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)
2	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)
3	Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)
4	Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22)
5	Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24)
6	Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)
7	Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36)
8	Pengaturan Bersama (MPSAS 37)
9	Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)

Ini diikuti dengan temu bual dengan empat belas orang responden yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan penyediaan penyata kewangan MAIN. Pada setiap sesi temu bual, masa yang diambil adalah sekitar satu hingga dua jam. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut dan gambaran yang lebih jelas tentang amalan semasa pelaporan dan pendedahan Penyata Kewangan MAIN. Setiap perbualan direkodkan oleh penyelidik, dengan mendapat keizinan pegawai yang ditemu bual, yang kemudiannya dipindahkan dalam bentuk teks (*transcribed*) untuk tujuan analisa data dan rujukan kemudiannya.

Penyelidik turut menyediakan nota catatan semasa sesi temu bual berlangsung. Penyelidik juga turut membandingkan nota catatan dengan transkrip yang disediakan untuk memastikan maklumat yang diperolehi melalui temu bual lisan dan yang dicatat adalah sama seperti yang terdapat dalam transkrip. Sekiranya maklumat yang diperolehi ketika sesi temu bual tidak mencukupi atau memerlukan penjelasan lanjut, penyelidik akan menghubungi pegawai-pegawai MAIN berkenaan melalui telefon atau e-mel bagi mendapatkan maklumat tersebut.

Kajian turut mengadakan sesi perundingan bersama pakar iaitu melibatkan pakar dalam bidang Syariah, Muamalat atau Ekonomi Islam, Undang-Undang dan Perakaunan/Perakaunan Islam. Sesi perundingan ini secara umumnya dilaksanakan bagi mendapatkan input, pandangan serta maklum balas berkenaan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam (KKPI) yang dibangunkan, amalan semasa perakaunan MAIN, keperluan Syariah dan batasan undang-undang serta cadangan pembangunan piawaian perakaunan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata

Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Institusi BZW.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kewujudan Urus Niaga serta Amalan Pembentangan dan Pendedahan

Kewujudan urus niaga serta amalan pembentangan dan pendedahan oleh MAIN adalah seperti dalam Jadual 2. Kajian mendapati kesemua MAIN menyediakan penyata kewangan berasingan dan disatukan serta membuat pendedahan kepentingan dalam entiti lain. Pendedahan peristiwa selepas tarikh pelaporan dan pendedahan pihak berkaitan pula disediakan masing-masing oleh tiga MAIN (MAIN A, C & E) dan dua MAIN (MAIN B & D). Sementara itu, pembentangan maklumat bajet dan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama pula hanya dibuat oleh sebuah MAIN sahaja iaitu masing-masing oleh MAIN A dan MAIN E. Dapatan menunjukkan tiada MAIN yang membuat pendedahan maklumat kewangan tentang sektor am kerajaan dan pengaturan bersama.

Jadual 2: Kewujudan Urus Niaga dan Amalan Semasa Pembentangan dan Pendedahan

	MAIN A	MAIN B	MAIN C	MAIN D	MAIN E
Penyata Kewangan Berasingan	√	√	√	√	√
Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan	√	x	√	x	√
Pendedahan Pihak Berkaitan	√	√	x	x	x
Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan	x	x	x	x	x
Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan	√	x	x	x	x
Penyata Kewangan Disatukan	√	√	√	√	√
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	x	x	x	x	√
Pengaturan Bersama	x	x	x	x	x
Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain	√	√	√	√	√

Keperluan Piawaian Baru Berkaitan Pembentangan dan Pendedahan Penyata Kewangan

Keperluan piawaian baru berkaitan pembentangan dan pendedahan penyata kewangan MAIN adalah seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3 di mana sembilan MPSAS berkaitan telah dijadikan sebagai asas penyediaan PPIIBZW. Keperluan ini dikenal pasti dan dikemukakan dengan mengambil kira dapatan amalan semasa pembentangan dan pendedahan penyata kewangan MAIN, input daripada pakar-pakar yang ditemu bual serta

konteks dan bentuk operasi/aktiviti IBZW yang berbeza atau unik berbanding dengan institusi atau organisasi yang berorientasikan keuntungan atau organisasi sektor awam yang lain.

Jadual 3: Keperluan Piawaian Baru Berkaitan Pembentangan dan Pendedahan Penyata Kewangan

MPSAS	PPIIBZW	Ringkasan Keperluan Piawaian Baru
Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)	Penyata Kewangan Berasingan	<ul style="list-style-type: none"> Istilah penyata lebih atau defisit ditukar kepada penyata prestasi kewangan. Perenggan-perenggan yang berkaitan dengan entiti pelaburan dikeluarkan memandangkan institusi BZW bukanlah entiti pelaburan.
Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan	<ul style="list-style-type: none"> Istilah penyata lebih atau defisit ditukar kepada penyata prestasi kewangan. Perenggan yang berkaitan dengan dividen dibayar, pengstrukturkan semula dan cukai perlu dikeluarkan. Istilah "pinjaman" digantikan dengan "pembiayaan".
Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)	Pendedahan Pihak Berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> Keluarkan "<i>domestic partner</i>" (pasangan tak sah taraf) dalam definisi ahli keluarga terdekat. Gunakan contoh yang lebih dekat dengan MAIN bagi personel pengurusan utama atau badan pengawal MAIN, sebagai contoh, Mufti, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Hakim Syarie, dan Pegawai Kewangan Negeri.
Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan (MPSAS 22)	Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Am Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan istilah-istilah yang lebih sesuai dengan operasi IBZW seperti "hasil cukai" dipinda kepada "hasil" sahaja dan "pinjaman" dipinda kepada "pembiayaan". Menambah dua lagi ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan iaitu boleh ditentusahkan (<i>verifiability</i>) dan kekinian (<i>timeliness</i>). Pendedahan mengikut kumpulan wang sama ada Baitulmal, Zakat atau Wakaf.
Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24)	Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Definisi warta hendaklah diperhalusi sama ada untuk kegunaan pengurusan dalaman sahaja atau untuk kegunaan umum. Memberi pilihan kepada MAIN untuk mendedahkan atau tidak maklumat bajet di dalam penyata kewangan. Jika memilih untuk mendedahkan maklumat bajet, MAIN hendaklah mendedahkannya mengikut piawaian yang dibangunkan iaitu membentangkan maklumat perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar sebagai lajur tambahan di dalam penyata kewangan (hanya jika penyata kewangan dan bajet tersebut disediakan pada asas boleh banding). Pendedahan dibuat mengikut kumpulan wang.

Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)	Penyata Kewangan Disatukan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeluarkan perenggan-perenggan yang tidak relevan dengan MAIN. • Perenggan berkaitan keperluan pendedahan - polisi/prosedur penyatuan yang diguna pakai.
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (MPSAS 36)	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	<ul style="list-style-type: none"> • Perenggan berkaitan kaedah yang digunakan dalam mengukur pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. • Perenggan berkaitan keperluan pendedahan – dasar/polisi perakaunan berkaitan pelaburan yang digunakan dan nilai bawaan/saksama.
Pengaturan Bersama (MPSAS 37)	Pengaturan Bersama	<ul style="list-style-type: none"> • Perenggan berkaitan pendedahan mengikut kumpulan wang.
Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain (MPSAS 38)	Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan istilah-istilah yang lebih sesuai dengan operasi IBZW seperti "pinjaman" dipinda kepada "pembiayaan". • Menambah satu lagi kaedah pengukuran iaitu model kos disamping dua kaedah sedia ada iaitu ekuiti dan model nilai saksama. • Pendedahan mengikut kumpulan wang sama ada Baitulmal, Zakat atau Wakaf.

Cadangan-cadangan tersebut boleh dirumuskan seperti berikut:

- (1) Peruntukan-peruntukan MPSAS 34, MPSAS 14, MPSAS 20, MPSAS 22, MPSAS 35, MPSAS 37 dan MPSAS 38 dijadikan asas bagi pembentukan PPIIBZW. Namun begitu, peruntukan atau perenggan yang tidak berkaitan dengan operasi IBZW seperti cukai, entiti pelaburan, hak mengundi dan saham tidak perlu diambil kira dalam PPIIBZW terlibat. PPIIBZW yang dibangunkan turut dicadangkan untuk mengguna pakai tajuk-tajuk MPSAS yang sama.
- (2) Memberi pilihan kepada IBZW untuk menerima pakai PPIIBZW *Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan*. Bagi yang memilih untuk mendedahkan maklumat belanjawan, maka peruntukan di dalam PPIIBZW *Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan* hendaklah diikuti. Pendedahan maklumat belanjawan perlu dibuat mengikut kumpulan wang.
- (3) Bagi PPIIBZW *Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama*, dicadangkan penambahbaikan ke atas objektif, kaedah pengukuran dan pendedahan. Kajian mencadangkan agar diberi pilihan kepada IBZW untuk memilih sama ada model kos, kaedah ekuiti atau model nilai saksama kerana bersesuaian dengan operasi IBZW yang lebih menjurus ke arah mengurus dan memegang amanah harta umat Islam yang merangkumi harta baitulmal, wakaf dan zakat.

- (4) Untuk PPIIBZW *Pendedahan Pihak Berkaitan*, kajian mencadangkan supaya definisi ahli keluarga perlu dipastikan mematuhi kehendak syariah.
- (5) Menyeragamkan dan menyesuaikan penggunaan istilah dalam piawaian yang akan dibentuk bersesuaian dengan operasi IBZW.

Keperluan Penyediaan PPIIBZW yang Komprehensif dan Cadangan Elemen Penambahbaikan Penyata Kewangan IBZW

Dalam usaha penyediaan PPIIBZW yang komprehensif, kajian berpandangan perlunya kepada Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam (KKPI) yang akan dibincangkan dengan lanjut selepas ini. Selain daripada itu, kajian juga mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan penyata kewangan IBZW yang terdiri daripada (i) Set Penyata Kewangan bagi IBZW, (ii) Laporan Ahli Majlis, (iii) Maklumat Am dalam Nota kepada Penyata Kewangan, (iv) Senarai Penasihat Syariah IBZW dan Peranan serta (v) Sorotan Prestasi 5 Tahun.

Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam

Bagi penyediaan PPIIBZW yang komprehensif, sepertimana set piawaian perakaunan yang telah dibangunkan seperti *International Financial Reporting Standards* (IFRS) yang mempunyai Kerangka Konseptual untuk Pelaporan Perakaunan, satu Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam (KKPI) amatlah perlu untuk dibangunkan bersama dengan PPIIBZW. KKPI ini menetapkan konsep asas bagi pelaporan kewangan yang akan memberi panduan kepada pihak penggubal PPIIBZW dalam pembangunkan PPIIBZW yang komprehensif dan berintegrasi. Kerangka Konseptual ini juga akan membantu memastikan PPIIBZW adalah konsisten secara konseptual di mana urusan niaga yang sama dilayan dengan tatacara perakaunan yang sama. Namun begitu berbeza dengan Kerangka Konseptual untuk Pelaporan Perakaunan Konvensional, KKPI bukan hanya sekadar memastikan pembentangan dan pendedahan maklumat dalam laporan kewangan dapat memberikan maklumat yang berguna kepada pemegang-pemegang taruh malahan ia juga mengandungi elemen akauntabiliti sosial dan pendedahan penuh yang selaras dengan tuntutan Syariah.

KKPI bagi IBZW telah dibangunkan melalui empat fasa kajian (Jabatan Akauntan Negara Malaysia, 2017; Abdullah et al., 2018; Ku Nor Izah et al., 2019; Chek Derashid et al., 2020). Secara umumnya, KKPI yang dicadangkan mempunyai tiga tahap iaitu teori asas dan konsep asas sebagai khalifah (Tahap Pertama), matlamat (*Al-Adl, Al-Ihsan dan Al-Falah*) (Tahap Kedua) dan pelaksanaan amalan perakaunan (Tahap Ketiga). Pada Tahap Pertama terdapat dua elemen penting iaitu teori asas dan konsep asas sebagai khalifah. Teori asas yang telah dicadangkan terhadap KKPI adalah Tauhid, Fiqh dan Tasawuf. Ketiga-tiga teori tersebut melengkapkan tiga cabang ilmu utama dalam Islam. Tahap Kedua KKPI pula

adalah berkaitan dengan matlamat umum yang menekankan kepada aspek keadilan sosioekonomi yang membawa kejayaan di dunia dan di akhirat. Matlamat tersebut adalah *al-adl*, *al-ihsan* dan *al-falah* yang dikaitkan dengan maqasid syariah wakaf, zakat dan baitulmal yang boleh membawa manfaat dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar berdasarkan situasi masalah *dharuriyah* (keperluan asas), *hajiyyah* (kemudahan dan kelapangan), dan *tahsiniyyah* (kesempurnaan). Tahap Ketiga KKPI menekankan kepada aspek pelaksanaan. Peringkat pelaksanaan ini akan memberi tumpuan kepada amalan perakaunan secara langsung mengikut mekanisme utama iaitu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi aset, liabiliti, ekuiti (dana), hasil dan belanja. Keperluan pendedahan maklumat kewangan di bawah KKPI yang dicadangkan oleh kajian ini terdiri daripada enam aspek utama iaitu pernyataan pematuhan Syariah, tanggungjawab institusi terhadap baitulmal, zakat dan wakaf, peranan ahli Majlis/penasihat Syariah IBZW, akauntabiliti sosial, pendedahan penuh dan berguna dalam membuat keputusan berdasarkan situasi masalah kemestian (*dharuriyah*), keperluan (*hajiyyah*), dan kesempurnaan (*tahsiniyyah*). Aspek-aspek ini diterapkan dalam penyediaan penyata kewangan dan didedahkan di dalam Nota kepada Penyata Kewangan.

Cadangan Elemen Penambahbaikan Penyata Kewangan IBZW

Dapatan kajian lepas menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dalam amalan perakaunan dan pelaporan kewangan IBZW, selain daripada pendedahan yang tidak konsisten (Abdullah et al., 2018; Ku Nor Izah et al., 2018; Ku Nor Izah et al., 2019; Fathiyah et al., 2019; Norfaiezah et al., 2019; Chek Derashid et al., 2020). Justeru, kajian ini mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan untuk memantapkan kualiti pelaporan kewangan IBZW seperti set Penyata Kewangan bagi IBZW, penyediaan laporan ahli majlis sebagai komponen tambahan kepada penyata kewangan, pendedahan maklumat am di dalam Nota kepada Penyata Kewangan, penyeragaman format penyata kewangan dan pemantapan nota kepada penyata kewangan.

Kajian ini, berdasarkan input daripada rundingan bersama pakar, mencadangkan supaya IBZW menyediakan set penyata kewangan yang terdiri daripada beberapa penyata kewangan utama iaitu (i) Penyata Kedudukan Kewangan; (ii) Penyata Prestasi Kewangan; (iii) Penyata Kutipan dan Agihan Zakat; (iv) Penyata Perubahan Dana; (v) Penyata Aliran Tunai; (vi) Penyata Bajet; dan (vii) Nota kepada Penyata Kewangan (rujuk Rajah 1).

Dalam Penyata Kedudukan Kewangan (PKK), IBZW disarankan supaya mempersembahkan dua penyata secara berasingan iaitu (i) Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan yang mengandungi PKK Kumpulan dan PKK Majlis bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya. PKK Kumpulan merupakan penggabungan penyata Majlis dan subsidiari, manakala PKK Majlis merupakan penggabungan PKK Dana Wakaf, Dana Zakat dan Dana Sumber Am dan (ii) Penyata Kedudukan Kewangan Majlis, yang dibentangkan mengikut Dana atau Kumpulan Wang utama, iaitu Dana Wakaf, Dana Zakat, dan Dana Sumber Am bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya.

Sementara itu, kajian mencadangkan supaya IBZW mempersembahkan Penyata Prestasi Kewangan Disatukan yang mengandungi Penyata Kumpulan dan Majlis bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya. Selain daripada itu, IBZW disarankan supaya mempersembahkan Penyata Prestasi Kewangan Majlis, yang dibentangkan mengikut Dana Zakat, Wakaf, dan Sumber Am bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya di dalam Nota kepada Penyata. Bagi Penyata Perubahan Dana Disatukan dan Penyata Aliran Tunai Disatukan kajian menyarankan supaya IBZW mempersembahkan Penyata Kumpulan dan Majlis bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya. Sementara itu, IBZW disarankan supaya mempersembahkan Penyata Perubahan Dana Majlis dan Penyata Aliran Tunai Majlis mengikut Dana Zakat, Wakaf, dan Sumber Am bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya. Selain daripada itu, kajian menyarankan supaya IBZW mempersembahkan Penyata Bajet sebagai salah satu penyata, sekiranya IBZW memilih untuk menerima pakai piawaian bagi Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan.


Kajian turut berpandangan laporan pihak pengurusan utama seperti yang disediakan oleh syarikat juga perlu diamalkan oleh IBZW bagi meningkatkan tahap ketelusan pelaporan kewangan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar IBZW menyediakan Laporan Ahli Majlis (atau apa-apa nama seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen negeri masing-masing, yang selepas ini hanya disebut sebagai Ahli Majlis) sebelum pembentangan laporan juruaudit dan penyata kewangan. Selain daripada itu, bagi memastikan laporan Ahli Majlis ini disediakan oleh IBZW, garis panduan tentang pelaporan kewangan harus memasukkan laporan Ahli Majlis sebagai salah satu item penyata kewangan.

Kajian ini mencadangkan agar pihak IBZW menyenaraikan Penasihat Syariah IBZW dan peranannya bagi memastikan penyata kewangan yang disediakan mematuhi semua undang-undang syariah yang telah ditetapkan dalam Islam. Peranan utama penasihat syariah IBZW adalah untuk menasihati IBZW berkaitan perkara-perkara syariah dan memastikan setiap aktiviti dan transaksi kewangan IBZW mematuhi syariah. Secara umumnya pendedahan ini perlulah merangkumi aspek (i) Peranan dan tanggungjawab ahli Majlis/ Penasihat Syariah IBZW terhadap penyata kewangan dan (ii) Bidang kuasa ahli Majlis/ Penasihat Syariah IBZW.

Secara umumnya pendedahan peranan dan tanggungjawab Ahli Majlis/Penasihat Syariah IBZW dalam laporan tahunan kewangan IBZW dianggap pendedahan yang keutamaannya bersifat *tahsiniiyyah* iaitu meningkatkan nilai tambah dan kebergunaan laporan tahunan kewangan IBZW. Adalah diharapkan pendedahan maklumat ini dapat menambah keyakinan pengguna laporan tahunan kewangan IBZW terhadap institusi ini dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab dalam menguruskan dana awam umat Islam. Walau bagaimanapun, Majlis sesebuah IBZW berkemungkinan juga diberikan peranan sebagai Penasihat Syariah institusi tersebut. Dalam keadaan demikian, kenyataan tersebut serta peranan dan tanggungjawabnya sebagai badan penasihat harus didedahkan.

Kajian juga mencadangkan agar diselitkan maklumat tentang ringkasan prestasi di dalam laporan tahun IBZW. Ringkasan ini dapat memberikan maklumat penting tentang prestasi IBZW yang telah dicapai dalam tahun pelaporan. Pengguna penyata kewangan dapat melihat trend prestasi IBZW selama lima tahun sama ada bertambah baik atau sebaliknya. Penyediaan maklumat ini menjadi amalan biasa syarikat korporat. Antara maklumat yang boleh dipaparkan dalam sorotan ini ialah jumlah kutipan, jumlah agihan, peratus agihan berbanding kutipan, jumlah hasil pertukaran dan jumlah dana untuk setiap kumpulan wang.

Rajah 1. Cadangan Set Penyata Kewangan bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf



Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan tidak semua urusan niaga atau item yang disentuh oleh sembilan MPSAS yang dikaji wujud di kesemua MAIN. Kajian mendapati kesemua MAIN menyediakan penyata kewangan berasingan dan disatukan serta membuat pendedahan kepentingan dalam entiti lain. Sementara itu, dapatan menunjukkan tiada MAIN yang membuat pendedahan maklumat kewangan tentang sektor am kerajaan dan pengaturannya bersama. Seterusnya, kajian mengenal pasti keperluan piawai perakaunan baru yang boleh dijadikan garis panduan kepada MAIN dalam membangunkan PPIIBZW berkaitan aspek pembentangan dan pendedahan penyata kewangan MAIN yang melibatkan sembilan piawai perakaunan. Selain daripada itu, beberapa cadangan elemen penambahbaikan penyata kewangan MAIN turut dikemukakan termasuk keperluan membangunkan KKPI yang akan menjadi asas rujukan pembentukan PPIIBZW.

Terdapat dua limitasi kajian ini iaitu, pertama, kajian ini hanya memfokus kepada MAIN di lima negeri di Malaysia dan yang kedua, semakan dokumen yang dibuat adalah ke atas Laporan Tahunan MAIN bagi tahun kewangan 2016 dan 2017 sahaja. Walaupun begitu, adalah diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu pihak-pihak berkepentingan seperti MAIN dan JANM dalam menyediakan kerangka kerja perakaunan dan piawaian perakaunan yang sesuai bagi MAIN. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi ruang kepada penyelidik-penyelidik dalam menjalankan kajian mengenai perakaunan dan pelaporan MAIN di Malaysia.

Rujukan

Abdul Rahim, A. R. (2010). *An introduction to Islamic accounting theory and practice*. Kuala Lumpur: Centre for Research and Training, CERT Publication.

Abdullah Abdul Ghani, Rohami Shafie, Md. Suhaimi Md. Saleh, Faisol Elham, Zaleha Othman, Nasri Naiimi, Fathilatul Zakimi Hamid & Sharofi Ismail., (2018). *Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia Fasa 2, Zon 2*. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Al-Sartawi, A. M. and Reyad, S. (2018). Signaling theory and the determinants of online financial disclosure. *Journal of Economic and Administrative Sciences*, Vol. 34 No. 3, pp. 237-247.

Amran, A., Fauzi, H., Purwanto, Y., Darus, F., Yusoff, H., Zain, M.M., Naim, D.M.A. and Nejati, M. (2017). Social responsibility disclosure in Islamic banks: a comparative study of Indonesia and Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, Vol. 15, No. 1, pp.99–115.

Askary, S., & Clarke, F. (1997). Accounting in the Koranic verses. In *Accounting, Commerce and Finance: the Islamic Perspective International Conference*, University of Western Sydney, Macarthur (pp. 56-102).

Baydoun, N., & Willett, R. (2000). Islamic corporate reports, *Abacus*, 36(1), 71-91.

Chek Derashid, Ku Nor Izah Ku Ismail, Fathiyyah Abu Bakar, Norfaiezah Sawandi, Muhammad Syahir Abdul Wahab, & Hasnah Shaari (2020). *Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf Di Malaysia Fasa 4, Zon 2*. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

El-Halaby, S., Hussainey, K. & Abou-El-Sood, H. (2018). The Non-economic Consequences of Disclosure in Islamic Banks. *International Journal of Emerging Markets* Vol. 13 No. 6, pp. 1948-1968.

- Fathiyyah Abu Bakar, Ku Nor Izah Ku Ismail, Chek Derashid, Norfaiezah Sawandi, Muhammad Syahir Abdul Wahab & Suhaimi Ishak, (2019). Perakaunan Hasil Wakaf bagi Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, Volume 9, pp.85-101 .
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia, (JANM) (2017). Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal Di Malaysia. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- Khoramin, M. (2012). The conceptual framework of Islamic. *Accounting Academic Journal of Accounting and Economic Researches*, 1(1), 21-30.
- Ku Nor Izah Ku Ismail, Chek Derashid, Fathiyyah Abu Bakar, Norfaiezah Sawandi, Muhammad Syahir Abdul Wahab & Suhaimi Ishak, (2018). Perakaunan bagi Pendapatan dan Agihan Zakat: Kajian ke atas Institusi Zakat di Utara Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, Volume 8, pp.49-72 .
- Ku Nor Izah Ku Ismail, Fathiyyah Abu Bakar, Chek Derashid, Norfaiezah Sawandi, Suhaimi Ishak & Muhammad Syahir Abdul Wahab., (2019). Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia Fasa 3, Zon 2. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- Lewis, M. K. (2001). Islam and accounting. In *Accounting Forum* (Vol. 25, No. 2, pp. 103-127). Blackwell Publishers Ltd.
- Norfaiezah Sawandi, Ku Nor Izah Ku Ismail, Chek Derashid, Fathiyyah Abu Bakar, Muhammad Syahir Abdul Wahab & Suhaimi Ishak, (2019). Perakaunan dan Pelaporan Instrumen Kewangan: Kajian Kes Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *ASEAN Journal of Management and Business Studies*, Volume 1, pp.109-114 .